

11/06/1997

Pemuda desak pergiat banteras cetak rompak

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno mendesak kerajaan membanteras habis-habisan kegiatan cetak rompak sebelum pelabur asing hilang keyakinan atau wujud tekanan di peringkat antarabangsa sehingga menjejaskan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi akan menemui Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, secepat mungkin untuk menyatakan keprihatinan dan kebimbangan mengenai kegiatan itu yang disifatkan kritikal.

Menurutnya, barangan CD, VCD dan CD-ROM yang dicetak rompak kini dieksport ke seluruh dunia dengan label 'Buatan Malaysia', sekali gus menghilangkan keyakinan pelabur asing yang khuatir industri multimedia serta harta intelek di negara ini tidak dilindungi undang-undang yang tegas.

Kegiatan cetak rompak bahan intelek dan perisian komputer jga memberi kesan ketara kepada ekonomi negara serta industri berkaitan.

Laporan khas Berita Harian hari ini mendedahkan, beberapa syarikat antarabangsa yang mengeluarkan cakera padat dan laser, terutama untuk tujuan rakam rompak filem, perisian komputer dan muzik, kini menjadikan Malaysia sebagai tempat mendirikan kilang.

Mereka dikatakan mengambil kesempatan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia untuk memasuki pasaran antarabangsa menerusi negara ini.

Berdasarkan perangkaan Intellectual Property Protection Sdn Bhd (IPP), antara 35 hingga 40 peratus bahan audio di negara ini dicetak rompak yang menyebabkan kerugian kira-kira RM40 juta kepada industri itu. Bagi video cetak rompak membabitkan kerugian RM162.5 juta setahun.

Ahmad Zahid berkata, kerugian tahunan akibat cetak rompak bagi kedua-dua bahan itu kira-kira RM202 juta, manakala kerajaan pula kehilangan kira-kira RM66.67 juta dari segi cukai korporat dan RM60.6 juta dalam bentuk cukai hiburan.

"Apabila kita campurkan kerugian pada industri dan percukaian kerajaan, ia berjumlah RM327 juta setahun. Ini jumlah yang cukup besar dan Pemuda Umno merasakan ia turut memberi kesan kepada MSC yang sedang dipromosikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Malah bahan itu diedarkan dalam bungkusan rapi ke seluruh dunia tanpa sebarang bayaran kepada pemegang hak cipta atau pengeluar asal," katanya selepas mempengerusikan pertemuan Majlis Hal Ehwal Pengguna Pemuda Umno dengan wakil penerbit, pemuzik, pengeluar, artis dan pertubuhan bukan kerajaan yang terbabit dalam memerangi kegiatan cetak rompak tempatan, di sini hari ini.

(END)